


## 23 JULAI HINGGA 8 OGOS 2021




Telah berlangsungnya sukan Olimpik di Tokyo, Jepun. Antara acara yang menjadi perbualan hangat ialah apabila pasukan gimnastik dari Jerman telah memecah tradisi Olimpik dengan memakai sut penuh atau disebut juga sebagai unitard.

apabila pasukan gimnastik dari Jerman telah memecah tradisi Olimpik dengan memakai sut penuh atau disebut juga sebagai unitard.

### PAKAIAN LEOTARD

Selama ini, pakaian yang dipakai ahli gimnastik hanyalah sekadar menutup bahagian kelangkang hingga ke bahu, pakaian ini dikenali sebagai leotard. Pakaian leotard ini telah diperkenalkan oleh Jules Leotard iaitu seorang ahli akrobatik lelaki dari Perancis sekitar tahun 1859, Jules Leotard memakainya ketika melakukan persembahan akrobatik. Sejak dari itu, leotard mula dipakai oleh ahli sukan, sama ada penari ballet, berbasikal, berlari, gusti dan sebagainya.



### PAKAIAN UNITARD

Pada awalnya, pasukan gimnastik wanita Jerman memperkenalkan pakaian unitard tersebut di Kejohanan Gimnastik Eropah pada 21 April 2021 sebelum Olimpik. Walaupun pasukan wanitanya tidak memenangi sebarang pingat tetapi rata-rata memuji pakaian yang digunakan oleh pasukan Jerman.


### SARAH VOSS

Salah seorang ahli gimnastik Jerman bernama Sarah Voss dikatakan orang yang memulakan pakaian tersebut di Jerman, ekoran dari International Gymnastic Federation (FIG) telah mengizinkan seluar panjang untuk gimnast wanita sejak tahun 2012 lagi. Sarah Voss apabila ditanya tentang pakaian tersebut mengatakan, bahawa beliau sendiri memilih untuk berpakaian sebegitu kerana ianya dapat terhindar dari terselak ketika latihan atau pertandingan. Lebih malang lagi jika jurukamera sempat merakam momen yang memalukan itu.



### GERMAN GYMNASTIC FEDERATION

Lebih menarik lagi apabila German Gymnastic Federation juga bersetuju dan menyokong tindakan atlit-atlit gimnastik mereka berpakaian unitard dan menegaskan bahawa pakaian sebegitu adalah sebagai suatu bentuk bantahan kepada sexualization.



### SOKONGAN & PUJIAN

Ramai yang memberi sokongan dan pujian kepada kempen tersebut termasuk dari Amerika. Ini kerana sejak akhir tahun 1990an, lebih dari 300 orang atlit gimnast Amerika pernah mengalami gangguan seksual oleh jurulatih, staff dan doktor mereka.

### DR. LARRY NASSAR

Kes Dr Larry Nassar sebagai Doktor kepada pasukan gymnast Amerika yang telah didapati bersalah melakukan gangguan seksual kepada para atlit jagaannya sehingga dia dipenjarakan selama 176 tahun menguatkan lagi sentimen kempen tersebut. Mungkin berpakaian menutup penuh tidak dapat menyelesaikan masalah gangguan seksual tetapi sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya



### MARINA NEKRASOVA

Pada kejohanan Baku World Cup 2019, seorang gimnast dari Azerbaijan bernama Marina Nekrasova terlebih dahulu mengenakan unitard berbanding dengan team gimnast dari Jerman tetapi dia tidak memakainya lagi selepas itu.



### PENGAJARAN



Lakukan perubahan sedikit demi sedikit



Manusia lambat laun akan Kembali kepada fitrah manusiawi



Bersukan tetap kena Tutup aurat.

أَنَا لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ

“Aku tidak akan menyiakan amalan kamu sama ada lelaki ataupun perempuan.”

(Al-i'Imran : 195)